



TINJAUAN ATAS TALIAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

A. TERMA-TERMA ASAS

1.	Penganjur	ASTRO RADIO SDN BHD (NO. SYARIKAT: 199601031120 (403472-D))
2.	Huraian Ringkas Tinjauan	Ini adalah tinjauan (<i>survey</i>) atas talian untuk memberikan pelbagai hadiah-hadiah seperti yang diumumkan oleh pihak Penganjur dari masa ke semasa.
3.	Mekanisme ringkas Tinjauan	<ol style="list-style-type: none">1. Peserta harus melayari platform tinjauan yang diumumkan oleh pihak Penganjur2. Peserta harus menjawab semua soalan-soalan yang dinyatakan di dalam tinjauan dan melengkapkan slogan yang diberikan menurut had perkataan yang ditentukan oleh pihak Penganjur mengikut budi bicara mutlaknyanya. <p>Seorang Peserta dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan, Bagaimanapun, seorang Peserta hanya boleh menang sekali dalam Tinjauan ini. Mana-mana kemenangan seterusnya akan diisytiharkan tidak sah secara automatik.</p> <p>Peserta mesti mematuhi mekanisme Tinjauan seperti yang diubah, dipinda atau diberitahu oleh Penganjur dalam Tempoh Tinjauan.</p>
4.	Kriteria Kelayakan	<ol style="list-style-type: none">a) Tinjauan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang mencapai Umur Kelayakan sepertimana dinyatakan di bawah.b) Peserta mestilah seorang warganegara Malaysia dan memiliki Kad Pengenalan Malaysia yang sah.
5.	Ketidaklayakan	Tinjauan ini <u>tidak terbuka</u> untuk penyertaan kepada Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor/Pembekal-Pembekal dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik pihak-pihak tersebut Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Entertainment Sdn Bhd, Astro Production Sdn Bhd, Astro Digital 5 Sdn Bhd dan Astro Malaysia Holdings Berhad, penaja Tinjauan dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka.
6.	Umur Kelayakan	<ol style="list-style-type: none">a) Tinjauan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia.b) Walaubagaimanapun, untuk Peserta di bawah umur 18 tahun, Peserta tersebut mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga Peserta untuk menyertai Tinjauan ini dan menerima Hadiah. Pihak Penganjur menganggap bahawa ianya merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga Peserta di bawah umur 18 tahun untuk memantau penyertaan Peserta di dalam Tinjauan ini. Ibu bapa atau penjaga mungkin, tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur, dikehendaki untuk menandatangani satu indemniti dalam bentuk yang dikehendaki oleh pihak Penganjur sebagai salah satu pra syarat kelayakan penerimaan Hadiah Peserta di bawah jagaan ibu bapa atau penjaga terbabit.

7.	Caj	Tidak dikenakan
8.	Tempoh Tinjauan	Seperti yang diumumkan oleh pihak Penganjur dari masa ke semasa. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menangguhkan Tempoh Tinjauan atau mana-mana tarikh, atau menetapkan tarikh baru mengikut budi bicara mutlaknyanya.
9.	Bahasa Tinjauan	Seperti yang diumumkan oleh pihak Penganjur dari masa ke semasa.
10.	Prosedur Penyertaan	Peserta harus melayari platform tinjauan seperti yang diumumkan oleh pihak Penganjur, mengisi semua butiran yang diperlukan kemudian jawab soalan-soalan yang diberikan di dalam tinjauan dan melengkapkan slogan yang diberikan.
11.	Tarikh Tutup Penyertaan	Penyertaan mestilah diterima oleh pihak Penganjur pada atau sebelum 11.59 malam pada tarikh terakhir Tempoh Tinjauan seperti yang diumumkan oleh Penganjur.
12.	Cara Penghantaran	Atas talian – Dengan melayari platform survey yang diumumkan oleh pihak Penganjur
13.	Alamat	All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, Lebuhraya Puchong-Sungai Besi, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
14.	Pemilihan Pemenang	Peserta-peserta dengan slogan yang paling kreatif kepada kepuasan pihak Penganjur, yang ditentukan oleh pihak Penganjur mengikut budi bicara mutlaknyanya. Pihak Penganjur mengekalkan hak untuk menukar bilangan pemenang-pemenang dari masa ke semasa.
15.	Hadiah	Peserta-peserta yang dipilih untuk menjadi pemenang akan memenangi hadiah seperti yang diumumkan atau dimaklumkan oleh pihak Penganjur dari masa ke semasa.
16.	Pemakluman Pemenang	Pemenang-pemenang akan dimaklumkan selepas Tempoh Tinjauan melalui SMS atau panggilan telefon daripada pihak Penganjur.
17.	Tempoh Pengambilan Hadiah	Akan dimaklumkan
18.	Tempat Pengambilan Hadiah	Akan dimaklumkan
19.	Terma-terma tambahan, jika ada	Dengan menyertai Tinjauan ini, Peserta bersetuju terikat oleh Notis Privasi dan Polisi Privasi yang didapati di https://astroradio.com.my/ Sekiranya transaksi pemindahan telegraf ke akaun bank pemenang gagal disebabkan oleh informasi yang dibekalkan oleh Pemenang adalah tidak lengkap dan/atau salah, Penganjur merizabkan haknya untuk menolak RM10.00 daripada nilai Hadiah untuk setiap penghantaran-semula transaksi tersebut. Sekiranya Pemenang memerlukan pengeluaran semula cek untuk Hadiah, RM50.00 akan ditolak daripada nilai Hadiah, melainkan pengeluaran semula itu adalah disebabkan oleh kecuaiian, kesilapan dan/atau kesalahan pihak Penganjur. Tinjauan ini tidak ditaja, disokong, diberikan oleh, atau dikaitkan dengan platform tinjauan yang digunakan oleh pihak Penganjur. Peserta memahami bahawa Peserta memberikan maklumat mereka kepada pihak Penganjur dan/atau penaja (<i>sponsor</i>) dan bukan kepada platform tinjauan.

	<p>Semua Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain dan tidak boleh ditukar kepada atau dijual dalam apa jua cara untuk apa-apa barang, hadiah atau wang tunai.</p> <p>Panel hakim akan ditentukan berdasarkan budi bicara mutlak pihak Penganjur dan/atau penaja. Penganjur boleh mengikut budi bicara mutlaknya membatalkan mana-mana Peserta untuk apa jua sebab, dan apa-apa keputusan oleh hakim, Penganjur dan/atau penaja yang berkaitan dengan Tinjauan adalah muktamad dan Penganjur dan/atau penaja tidak akan melayan apa-apa rayuan oleh Peserta terhadap keputusan tersebut.</p> <p>Jika Hadiah adalah dalam bentuk tiket percuma, pas atau baucar:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) pemenang adalah tertakluk pada terma-terma dan syarat-syarat penganjur acara tersebut, penaja atau pihak yang mengeluarkan tiket, pas atau baucar tersebut; (b) pemenang mesti mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam tiket, pas atau baucar (seperti klasifikasi filem) dan peraturan lokasi di mana acara tersebut akan diadakan; dan (c) tempat, tarikh dan masa acara/program/filem/persembahan boleh diubah pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak Penganjur, penganjur acara atau penaja. <p>Dengan menjawab soalan-soalan di dalam Tinjauan, Peserta menjamin bahawa maklumat yang diberikan oleh Peserta di dalam Tinjauan adalah tepat dan tidak mengingkar sebarang undang-undang atau hak-hak orang lain dan Peserta bersetuju untuk menyerahkan kepada dan memberikan Penganjur, penaja Tinjauan ini dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka, hak mutlak dan lesen untuk seluruh dunia (yang kekal, tanpa royalti, tidak eksklusif dan yang boleh dilesenkan) untuk menggunakan, membuat salinan, meminda, mengubahsuai, menyesuaikan, menerbitkan, menterjemah, membuat karya terbitan daripada, mengedar, melaksanakan, bermain, membuat tersedia kepada orang awam, dan melaksanakan semua hak cipta dan publisiti berkenaan dengan maklumat yang diberikan di dalam Tinjauan dan Peserta mengetepikan apa-apa hak moral dalam maklumat yang diberikan oleh Peserta dalam Tinjauan tersebut. Penganjur, penaja Tinjauan ini dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka hendaklah mempunyai hak tunggal (tetapi tidak ada kewajipan) untuk menggunakan, memuat naik atau menyiarkan maklumat tersebut dan/atau memasukkannya dalam karya lain dalam mana-mana media dan platform mengikut budi bicara mutlaknya untuk sebarang tujuan termasuk tujuan pengiklanan dan kaji selidik, pemasaran tanpa apa-apa bayaran royalti kepada Peserta.</p> <p>Penyertaan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan tempatan dan akan ditapis oleh proses penapisan dalaman. Mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi peraturan akan hilang kelayakan.</p>
--	---

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Tinjauan** (secara kolektif, "Terma dan Syarat") akan mengikat semua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Tinjauan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Tinjauan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Tinjauan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Tinjauan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma dan Syarat secara tanpa syarat oleh para Peserta.

B. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT LAZIM TINJAUAN

1 PENGENALAN

- 1.1 Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Tinjauan ini akan mentadbir Tinjauan yang dianjurkan oleh Penganjur sepertimana yang dinamakan dalam Terma-terma Asas. Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Tinjauan ini akan menjadi tambahan kepada terma-terma yang dinyatakan di dalam Terma-terma Asas (Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Tinjauan akan dirujuk secara kolektifnya sebagai "**Terma dan Syarat**").
- 1.2 Tinjauan ini akan diadakan semasa Tempoh Tinjauan sepertimana yang dinyatakan dalam Terma-terma Asas. Pihak Penganjur mempunyai hak tunggal untuk mengubah, menangguh atau menukar tarikh Tinjauan atau melanjutkan Tempoh Tinjauan.
- 1.3 Mekanisma ringkas Tinjauan ini adalah seperti dinyatakan dalam Terma-terma Asas. Para Peserta mesti mematuhi mekanisma Tinjauan ini sepertimana yang diterangkan dan diberitahu kepada para Peserta oleh Penganjur dari masa ke semasa dalam Tempoh Tinjauan.
- 1.4 Tinjauan ini akan dianjurkan oleh Penganjur dalam Bahasa Tinjauan yang dinyatakan dalam Terma-terma Asas.
- 1.5 Prosedur Penyertaan Tinjauan ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Terma-terma Asas.
- 1.6 Pihak Penganjur mempunyai hak tunggal untuk menukar, mengubah, membatalkan atau menambah kepada Terma dan Syarat dan mana-mana peraturan dan undang-undang termasuk mekanisma Tinjauan ini.
- 1.7 Pihak Penganjur mempunyai hak tunggal untuk membatalkan atau menangguhkan Tinjauan ini pada bila-bila masa, di mana pihak Penganjur boleh memilih untuk tidak memberikan sebarang hadiah. Pembatalan atau penangguhan tersebut tidak akan memberi hak kepada mana-mana Peserta untuk membuat sebarang tuntutan. Jika Tinjauan ini disambung semula oleh Penganjur, Peserta akan mematuhi keputusan Penganjur mengenai penyambungan semula Tinjauan ini serta pemberian hadiah.

2 PENYERTAAN TINJAUAN

- 2.1 Penyertaan Tinjauan mesti lengkap, tepat dan dihantar kepada Penganjur melalui Cara Penghantaran dan ke Alamat beserta dengan mana-mana dokumen lain yang diperlukan menurut Terma-terma Asas. Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum Tarikh Tutup Penyertaan sepertimana yang dinyatakan dalam Terma-terma Asas.
- 2.2 Jika Cara Penghantaran penyertaan adalah melalui perkhidmatan pesanan ringkas ("**SMS**") atau perkhidmatan pesanan multimedia ("**MMS**"), setiap Penyertaan Tinjauan yang dihantar oleh Peserta akan tertakluk kepada Caj premium yang dinyatakan dalam Terma-terma Asas. Caj-caj ini adalah tambahan kepada bayaran biasa yang dikenakan oleh pembekal khidmat telekomunikasi Peserta yang berkenaan.
- 2.3 Dengan penghantaran Penyertaan Tinjauan, Peserta akan dianggap sebagai telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Tinjauan.
- 2.4 Penyerahan Penyertaan Tinjauan tidak menjamin peluang Peserta untuk menyertai Tinjauan ini. Penganjur berhak untuk menolak atau tidak menerima penyertaan oleh Peserta untuk sebarang sebab, termasuk (tanpa had) di mana Penyertaan Tinjauan adalah tidak lengkap atau mana-mana terma dalam Terma dan Syarat tidak dipenuhi atau dipatuhi oleh Peserta.
- 2.5 Penyertaan Tinjauan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum Tarikh Tutup Penyertaan sepertimana dinyatakan dalam Terma-terma Asas. Penyertaan Tinjauan yang diterima selepas masa yang dinyatakan akan dibatalkan dan tidak layak untuk memenangi Hadiah.

3 KRITERIA KELAYAKAN

- 3.1 Kriteria Kelayakan Peserta adalah sepertimana yang dinyatakan dalam Terma-terma Asal.
- 3.2 Peserta mungkin dikehendaki untuk menyerahkan bukti tambahan kelayakan dalam tempoh masa yang dinyatakan oleh Penganjur dan jika Peserta gagal untuk berbuat demikian, Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan Peserta.

4 KETIDAKLAYAKAN

- 4.1 Orang-orang yang tidak layak untuk menyertai Tinjauan ini adalah sepertimana dinyatakan dalam Terma-terma Asal.

5 PEMBATALAN

- 5.1 Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan Peserta dan/atau mengambil balik Hadiah (pada mana-mana peringkat Tinjauan) jika:-
- 5.1.1 Peserta tersebut tidak layak atau tidak memenuhi mana-mana Kriteria Kelayakan; atau
 - 5.1.2 Peserta tersebut melanggar mana-mana Terma dan Syarat atau mana-mana peraturan atau undang-undang Tinjauan ini atau mana-mana undang-undang atau peraturan yang berkaitan; atau
 - 5.1.3 pada pendapat Penganjur, ia percaya bahawa Peserta telah cuba untuk melemahkan operasi Tinjauan melalui penipuan, fraud atau keperdayaan.
- 5.2 Jika berlaku pembatalan **selepas** Hadiah telah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pengembalian Hadiah itu atau bayaran sama nilai dengan Hadiah itu dari Peserta yang hilang kelayakan atau dibatalkan penyertaan.
- 5.3 Walaupun Penganjur akan berusaha untuk melaksanakan pengesahan yang diperlukan ke atas kelayakan para Peserta, kegagalan Penganjur untuk membatalkan penyertaan Peserta yang tidak layak tidak akan diambil kira sebagai pelanggaran oleh Penganjur.

6 WARANTI-WARANTI

- 6.1 Peserta membuat representasi dan waranti kepada Penganjur bahawa :-
- 6.1.1 Peserta telah memenuhi semua kriteria kelayakan dan mempunyai hak dan kuasa untuk menyertai Tinjauan ini menurut Terma dan Syarat dan akan memberi apa-apa bukti yang diperlukan oleh Penganjur;
 - 6.1.2 semua kenyataan dan balasan kepada Tinjauan (jika ada dan jika diperlukan) oleh Peserta kepada Penganjur adalah benar, tepat dan lengkap. Peserta adalah bertanggungjawab secara tunggal untuk sebarang kandungan dan balasan yang dihantar melalui Tinjauan.
- 6.2 Sebagai balasan kepada tawaran Penganjur memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam Tinjauan ini, Peserta tanpa syarat dan tidak boleh batal:-
- 6.2.1 bersetuju bahawa jika diperlukan oleh Penganjur, pemenang akan bersedia untuk melapangkan diri (tanpa bayaran) untuk penerbitan, rakaman dan publisiti Tinjauan ini pada bila-bila masa dan jadual penerbitan yang akan diberitahu oleh Penganjur termasuk untuk tujuan:-
 - (i) temubual-temubual (yang mungkin akan dirakamkan); dan/atau
 - (ii) pengambilan gambar, rakaman audio dan/atau visual untuk tujuan promosi dan publisiti(secara kolektif "**Rakaman**");
 - 6.2.2 bersetuju dan memberi kebenaran bahawa Penganjur mempunyai hak dan kuasa mutlak untuk menyiarkan Rakaman dan/atau menggunakan slogan, nama atau nama timangan dalam mana-

mana rancangan/saluran mereka secara penuh atau tidak dalam hak tunggal Penganjur. Semua hakcipta yang wujud dalam Rakaman akan menjadi milik penuh Penganjur;

- 6.2.3 bersetuju bahawa di mana Peserta dikehendaki menghantar apa-apa gambar, lukisan, slogan, bahan atau hasil kerja kreatif yang lain, termasuk rakaman suara atau video (secara kolektif "**Harta Intelektual**") bersama dengan Penyertaan Tinjauan, Peserta memberi waranti bahawa semua hak Harta Intelektual dalam penyertaan tersebut tidak melanggar mana-mana hak harta intelektual pihak ketiga;
- 6.2.4 bersetuju bahawa Penganjur mempunyai hak secara tunggal dan mutlak, untuk menggunakan dan mengeksploitasikan Harta Intelektual melalui apa-apa cara atau media dan dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai tanpa mendapat kebenaran Peserta dahulu atau membuat apa-apa bayaran kepada Peserta dan/atau Pemenang Tinjauan dan/atau wakilnya;
- 6.2.5 mengesahkan bahawa Peserta telah membaca dan memahami Terma dan Syarat Tinjauan dan Peserta bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat tersebut dan bersetuju bekerjasama dan mematuhi semua arahan yang diberi kepada Peserta oleh Penganjur dari masa ke semasa;
- 6.2.6 bersetuju bahawa semua Hadiah yang akan diberikan dalam Tinjauan ini adalah bergantung kepada ketepatan maklumat yang diberikan dan pendedahan yang dibuat oleh Peserta dan pelaksanaan penuh dan lengkap semua waranti-waranti, akujanji-akujanji dan obligasi-obligasi yang dinyatakan di sini oleh Peserta;
- 6.2.7 bersetuju bahawa Peserta tidak akan melakukan sebarang perbuatan atau peninggalan, secara langsung atau tidak langsung, yang akan mencemarkan nama baik Penganjur dan/atau penaja-penaja;
- 6.2.8 bersetuju bahawa Peserta tidak akan tanpa kebenaran bertulis terdahulu dari Penganjur menerbitkan atau mendedahkan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan Tinjauan atau Hadiah (termasuk tanpa had, kepada apa-apa wakil mana-mana pihak media dalam apa jua bentuk sekalipun);
- 6.2.9 bersetuju bahawa Peserta tidak akan memberi sebarang pengindorsan produk, temuramah atau mengambil bahagian di dalam apa-apa artikel atau laporan yang berkenaan dengan Tinjauan atau Hadiah dengan mana-mana pihak ketiga;
- 6.2.10 bersetuju bahawa penyertaan Peserta dalam Tinjauan dan/atau Rancangan ini tidak memberi hak kepada Peserta untuk menerima upah, gaji atau apa-apa bayaranlain;

7 HADIAH

- 7.1 Hadiah untuk Tinjauan ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Terma-terma Asal.
- 7.2 Nama-nama pemenang Tinjauan akan diberitahu atau diumumkan oleh Penganjur melalui cara yang telah dinyatakan dalam Terma-terma Asal.
- 7.3 Semua Hadiah mesti diambil dalam Tempoh Pengambilan Hadiah dan di Tempat Pengambilan Hadiah sepertimana yang dinyatakan dalam Terma-terma Asal. Kegagalan untuk menuntut Hadiah akan menyebabkan Penganjur melucutkan hak Peserta terhadap Hadiah tersebut dan Penganjur, ejen-ejen, penaja-penaja dan wakil-wakil Penganjur tidak akan bertanggungjawab kepada pemenang Tinjauan dalam apa jua cara pun.
- 7.4 Apabila Hadiah yang ditawarkan adalah bukan wang tunai, Peserta tidak berhak untuk menukar Hadiah tersebut untuk wang tunai atau alternatif lain.

- 7.5 Penganjur tidak menjamin bahawa Hadiah-hadiah akan tersedia ada dan Penganjur berhak untuk menggantikan Hadiah-hadiah dengan mana-mana hadiah-hadiah lain yang mempunyai nilai yang serupa sepertimana yang ditetapkan oleh Penganjur, ejen-ejen atau penaja-penaja dalam hak tunggal mereka.
- 7.6 Semua hadiah tidak boleh sama sekali dipindahmilik, diserahkan, ditukar atau dituntut oleh Peserta dalam bentuk atau cara yang lain selain daripada yang dinyatakan oleh Penganjur. Semua terma-terma dan syarat-syarat spesifik atau khas yang berkaitan dengan Hadiah (sama ada oleh Penganjur atau ejen-ejen atau penaja-penaja Penganjur) mesti dipatuhi oleh Peserta.
- 7.7 Hadiah-hadiah mesti dituntut secara sendiri kecuali jika Penganjur menyatakan cara pengambilan yang lain. Apabila Penganjur memilih untuk penghantar Hadiah melalui pos kepada pemenang Tinjauan, Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk penghantaran pos Hadiah tersebut dengan cara yang selamat dan efektif.
- 7.8 Dalam situasi khas, dan tertakluk kepada hak tunggal Penganjur, pemenang Hadiah boleh melantik seorang wakil untuk mengambil hadiah. Wakil tersebut akan dikehendaki untuk memberi surat kuasa dari pemenang Tinjauan dan dokumen pengenalan diri yang termasuk gambar untuk pemenang Tinjauan dan wakil tersebut.
- 7.9 Peserta bertanggungjawab untuk apa-apa dan semua cukai yang dikenakan atas sebab Hadiah itu dihadiahkan atau diterima (mana yang berkaitan).
- 7.10 Di mana Peserta memilih untuk tidak menerima Hadiah, hak Peserta terhadap Hadiah tersebut akan dilucutkan dan Hadiah tersebut akan dikendalikan menurut hak tunggal Penganjur.
- 7.11 Semua Hadiah diterima atas risiko penuh Peserta dan dihadiahkan oleh Penganjur dan/atau penaja tanpa sebarang waranti nyata atau tidak nyata. Peserta akan menandatangani surat perlepasan dan indemniti dalam bentuk yang dinyatakan oleh Penganjur, jika diperlukan, supaya boleh menerima Hadiah.

Hadiah Percutian

- 7.12 Jika Hadiah yang dihadiahkan oleh Penganjur adalah hadiah pelancongan/percutian ("**Hadiah Percutian**"):-
- 7.12.1 Hadiah Percutian mesti diambil menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejen-ejen pelancongan atau penaja Penganjur dan jika gagal untuk berbuat demikian, hak pemenang Tinjauan keatas Hadiah Percutian ini akan dilucutkan oleh Penganjur. Tiada alternatif wang atau destinasi yang akan ditawarkan oleh Penganjur, ejen-ejen atau penaja Penganjur.
- 7.12.2 Hadiah Percutian mesti diambil menurut semua terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Penganjur, ejen pelancongan atau penaja Penganjur termasuk (tanpa had) seperti yang berikut:-
- (i) terma-terma dan syarat-syarat syarikat penerbangan/syarikat pembawa penumpang/hotel yang berkenaan;
 - (ii) terma-terma dan had-had mana-mana polisi insurans yang berkaitan dengan Hadiah Percutian; dan
 - (iii) terma-terma dan syarat-syarat yang berkaitan dengan semua peraturan dan arahan kesihatan dan keselamatan dan semua keperluan undang-undang dan kawalselia.
- 7.12.3 Mana-mana Hadiah Percutian yang dimenangi oleh Peserta yang dibawah umur mesti menurut terma-terma dan syarat-syarat syarikat penerbangan/pembawa penumpang yang berkenaan dan jika perlu, Peserta tersebut mesti diiringi oleh ibubapa atau penjaga pada kos dan perbelanjaan yang ditanggung sendiri.
- 7.12.4 Pemenang Hadiah Percutian mesti memegang dokumen perjalanan yang sah dengan sekurang-

kurangnya tempoh sah paspot untuk enam (6) bulan lagi. Ia menjadi tanggungjawab pemenang-pemenang ini untuk mendapatkan kebenaran (visa) dan dokumen perjalanan pada kos sendiri. Jika pemenang-pemenang gagal untuk mendapatkan dokumen-dokumen berkenaan, tiada sebarang pampasan yang akan diberikan, tidak kira dalam apa jua keadaan.

- 7.12.5 Kawalan paspot dan pihak berkuasa dalam negeri berhak untuk menghalang kemasukan sesiapa ke dalam mana-mana negara. Jika pemenang Hadiah Percutian dihalang daripada memasuki atau meninggalkan mana-mana negara yang dilawat, Penganjur tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara pun untuk memberi pampasan kepada Peserta atas sebab dihalang daripada memasuki atau keluar negara itu dan apa-apa kos tambahan yang dikenakan adalah atas tanggungan dan tanggungjawab pemenang tersebut.
- 7.12.6 Dalam keadaan yang tidak dijangka atau di luar kawalan Penganjur, ejen-ejen pelancongan atau penaja Penganjur, Penganjur serta ejen-ejen pelancongan dan penaja Penganjur mempunyai hak tunggal untuk menawarkan destinasi alternatif yang mempunyai nilai yang serupa. Tiada alternatif yang akan ditawarkan.
- 7.12.7 Butiran mengenai jadual penerbangan, pengangkutan lain, lapangan terbang, tempat tinggal atau aspek-aspek lain mengenai Hadiah Percutian, dan tarikh dan masa yang disebut oleh Penganjur, ejen-ejen pelancongan, penaja-penaja atau wakil-wakil Penganjur untuk panduan sahaja dan adalah tertakluk kepada pertukaran tanpa notis dan tanpa apa-apa liabiliti.
- 7.12.8 Kelas perjalanan untuk mana-mana Hadiah Percutian yang melibatkan penerbangan adalah kelas ekonomi kecuali ditentukan sebaliknya.
- 7.12.9 Pemenang Hadiah Percutian mesti mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menampung apa-apa komitmen kewangan yang mungkin ditanggung berkaitan dengan Hadiah Percutian (termasuk, tanpa had, pertukaran ke dan dari mana-mana lapangan terbang yang dinyatakan dalam Hadiah Percutian, makan dan minum, khidmat bilik, khidmat dobi, berat beg berlebihan, insurans sendiri, perubatan dan/atau beg, semua barang persendirian, cukai kastam dan cukai lapangan terbang) lebih daripada apa yang dimasukkan dalam Hadiah Percutian tersebut.

Hadiah Tiket atau pemberian yang lain

- 7.13 Jika Hadiah yang dihadiahkan oleh Penganjur adalah dalam bentuk tiket percuma atau bentuk-bentuk lain, pemenang-pemenang akan terikat oleh terma-terma dan syarat-syarat penganjur acara. Dalam kes hadiah tiket, Pemenang harus patuh kepada terma-terma dan syarat-syarat yang tertera atas tiket tersebut dan peraturan dan undang-undang lokasi acara tersebut.

Hadiah Wang

- 7.14 Di mana berkenaan, hadiah wang akan diberi kepada pemenang dalam bentuk cek. Pemenang hadiah wang bertanggungjawab untuk semua caj bank yang berkaitan (termasuk caj cek luar negeri) yang dikenakan oleh bank semasa memproses cek pemenang.

8 KEPUTUSAN HAKIM/PENGANJUR

- 8.1 Kriteria untuk pemilihan pemenang-pemenang adalah seperti dinyatakan dalam Terma-terma Asas.
- 8.2 Pemberitahuan pemenang-pemenang akan dibuat melalui cara yang dinyatakan dalam Terma-terma Asas.
- 8.3 Keputusan Hakim/Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Tinjauan (termasuk tanpa had, pemilihan Peserta, cara pelaksanaan Tinjauan dan/atau apa-apa resolusi yang dibuat) adalah muktamad

dan mengikat Peserta. Apa-apa perbincangan, surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau cabaran terhadap keputusan Penganjur yang dibuat tidak akan dilayan.

- 8.4 Peserta tidak boleh mempertikai atau membuat apa-apa aduan lisan atau bertulis, pengumuman umum atau kenyataan mengenai keputusan Hakim/Penganjur sama ada semasa atau selepas Tempoh Tinjauan.

9 **AKTIVITI-AKTIVITI PROMOSI**

- 9.1 Penganjur dan/atau syarikat bersekutunya mempunyai hak tunggal untuk menghantar pesanan SMS atau pemberitahuan emel kepada nombor telefon bimbit Peserta atau alamat emel yang mengandungi maklumat dan promosi aktiviti mengenai promosi-promosi Astro yang lain.
- 9.2 Jika Peserta tidak ingin menerima pesanan SMS atau emel sedemikian, Peserta dikehendaki menelefon dan memberitahu Penganjur seperti yang dinyatakan.

10 **UNDANG-UNDANG**

- 10.1 Terma-terma dan syarat-syarat Tinjauan ini akan dibaca dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia.

11 **MAKLUMAT SULIT**

- 11.1 Peserta bersetuju untuk menganggap semua Terma dan Syarat dan peraturan dan undang-undang Tinjauan dan semua maklumat dan pengetahuan yang diperolehi oleh Peserta berkenaan dan/atau berkaitan dengan Tinjauan ini dan/atau Rancangan ini dan/atau diperolehi oleh sebab penyertaan Peserta di dalam Tinjauan/Rancangan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada perniagaan dan butir-butir operasi Penganjur, mekanik Tinjauan, penghakiman/kriteria pemilihan untuk Tinjauan (secara kolektif dirujuk sebagai "**Maklumat Sulit**"), sebagai sulit dan Peserta bersetuju semasa dan selepas Tempoh Tinjauan ini untuk mengambil langkah berjaga-jaga untuk tidak mendedahkan sebarang Maklumat Sulit kepada pihak-pihak yang tidak berkenaan atas apa sebab sekalipun dan berakujanji untuk memulangkan semula kepada Penganjur semua material yang nyata yang mengandungi Maklumat Sulit termasuk sebarang dokumentasi, rekod-rekod, senarai-senarai, nota-nota, lakaran-lakaran, lukisan-lukisan, memorandum-memorandum, model-model akaun, bahan- bahan rujukan, contoh-contoh dan media dan peralatan yang boleh dibaca mesin yang berkaitan dengan Maklumat Sulit termasuk semua pendua dan salinan.

12 **INDEMNITI**

- 12.1 Peserta selamanya mengenyepikan dan melepaskan Penganjur, ejen-ejen, penaja-penaja dan wakil- wakil Penganjur dari dan terhadap sebarang dan semua liabiliti, kos, kerugian, kehilangan atau perbelanjaan yang dituntut oleh Peserta atau mana-mana pihak yang menuntut bagi pihak Peserta yang mungkin timbul akibat daripada penerimaan mana-mana Hadiah atau penyertaan dalam Tinjauan ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) kecederaan diri dan kerosakan kepada harta sama ada atau tidak secara terus, berbangkit atau boleh ramal.
- 12.2 Peserta akan menggantirugi Penganjur, syarikat bersekutunya ejen-ejen dan penaja-penaja Penganjur dari dan terhadap semua liabiliti, kos, kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung disebabkan oleh pelanggaran waranti dan akujanji Peserta dan pelanggaran Terma dan Syarat dan/atau peraturan dan undang-undang Tinjauan.

13 **KOS**

- 13.1 Semua kos yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Tinjauan termasuk tanpa had caj pos atau pembekal khidmat Internet ("ISP") (jika berkaitan), semua kos pengangkutan, caj perhubungan, tempat tinggal, makan dan kos lain yang berkaitan yang ditanggung oleh Peserta akibat daripada dan/atau disebabkan oleh penyertaan Peserta dalam Tinjauan akan ditanggung secara sendiri oleh Peserta. Penganjur tidak mempunyai apa-apa obligasi untuk membayar balik Peserta untuk mana-mana kos dan perbelanjaan yang ditanggung sedemikian.

14 HAD LIABILITI

- 14.1 Peserta mengaku bahawa penyertaan beliau di dalam Tinjauan ini adalah di atas risikonya tersendiri.
- 14.2 Penganjur, ejen-ejen, penaja-penaja, wakil-wakil, syarikat bersekutu Penganjur dan pengarah, pegawai dan pekerja, ejen dan pemegang serahhak mereka tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta berkenaan dengan kegagalan untuk memenangi sebarang Hadiah dalam Tinjauan ini, Hadiah rosak atau penyalahgunaan Hadiah atau apa-apa kehilangan, kerugian, kos, perbelanjaan, tuntutan, liability, kematian atau kemalangan yang dialami oleh Peserta semasa Tinjauan atau akibat daripada atau berkaitan dengan Tinjauan, penyertaan Peserta dalam Tinjauan dan/atau Hadiah yang dihadiahkan.
- 14.3 Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap:-
- 14.3.1 sebarang masalah, kerugian atau kerosakan atas sebarang sebab yang dihadapi oleh Peserta atau mana-mana pihak yang disebabkan oleh kelewatan dan/atau kegagalan di dalam penerimaan atau penyerahan Penyertaan Tinjauan yang disebabkan oleh kegagalan rangkaian, komunikasi, ISP atau kesilapan sistem, gangguan dan/atau kegagalan yang dialami oleh Penganjur atau pembekal khidmat telekomunikasi Peserta dan/atau disebabkan oleh penyertaan atau muat turun mana-mana bahan di dalam Tinjauan ini. Jika berlaku sebarang kesilapan, gangguan dan/atau kegagalan, Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kegagalan yang dihadapi oleh Peserta untuk menyertai Tinjauan ini atau apa-apa kegagalan yang dihadapi oleh Penganjur dalam memenuhi obligasi Penganjur di bawah ini;
- 14.3.2 sebarang kesilapan (termasuk kesilapan dalam pemberitahuan kepada pemenang Tinjauan), peninggalan, gangguan, pemadaman, kecacatan, kelewatan dalam pengendalian atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi atau pengangkutan, kecurian, pemusnahan, akses yang tidak dibenarkan, atau penyertaan yang hilang atau lewat sama ada atau tidak timbul semasa operasi atau transmisi disebabkan oleh sebab-sebab yang di luar kawalannya.

15 SYARAT-SYARAT AM

- 15.1 Penganjur, ejen-ejen, penaja-penaja dan wakil-wakil Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk melaksanakan mana-mana obligasi mereka terhadap Tinjauan ini dan Terma dan Syarat, peraturan dan undang-undang berkaitan dengan Tinjauan ini di mana mereka tidak dapat berbuat demikian atas sebab kejadian yang diluar kawalan dan tidak akan bertanggungjawab untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa jua keadaan.
- 15.2 Peserta tidak boleh menyerahhak mana-mana hak atau subkontrak mana-mana obligasi di dalam ini. Penganjur mempunyai hak untuk menyerahhak atau sublesen kesemua atau sebahagian daripada hak-haknya di bawah ini kepada mana-mana pihak ketiga sepertimana yang ditentukan oleh Penganjur.
- 15.3 Semua hak-hak dan keistimewaan yang diberikan di sini kepada Penganjur adalah tidak boleh batal dan tidak tertakluk kepada pembatalan, halangan atau injunksi di bawah apa jua keadaan. Di dalam apa jua keadaan pun Peserta tidak berhak kepada relif injunksi atau untuk menghalang atau mengganggu penganjuran Tinjauan, penerbitan, pengeluaran, pameran dan/atau eksploitasi Tinjauan dan/atau Rancangan dan/atau apa-apa produk atau laporan yang dihasilkan dan/atau berkaitan dengan Tinjauan dan/atau Rancangan.
- 15.4 Ketidaklayakan, pengharaman atau ketidak boleh dikuatkuasakan mana-mana terma di bawah ini tidak akan memberi kesan atau mengganggu penguatkuasaan Terma dan Syarat Tinjauan yang lain.
- 15.5 Bahasa utama Terma-terma dan Syarat-syarat adalah Bahasa Inggeris. Apa-apa terjemahan kepada bahasa lain adalah untuk tujuan kemudahan sahaja. Sekiranya terdapat sebarang perkara yang bercanggah dengan versi Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan.
- 15.6 Dengan mengambil bahagian dalam Tinjauan dan untuk layak menerima Hadiah, Peserta dikehendaki menyerahkan/memberikan data peribadi mereka. Semua data peribadi yang diberikan oleh Peserta

kepada Penganjur akan dilayan/digunakan selaras dan mengikut Notis Privasi dan Polisi Privasi yang didapati di laman web Penganjur. Penganjur akan mengumpul data peribadi Peserta untuk tujuan pemberian Hadiah dan untuk tujuan yang berkaitan dengan Tinjauan termasuk tetapi tidak terhad kepada kaji selidik, pemasaran atau penjualan.

- 15.7 Melainkan dinyatakan secara nyata sebelum penyelesaian Tinjauan, Penganjur tidak akan menerbitkan/mendedahkan identiti para Peserta dan balasan individu dalam sebarang laporan tetapi balasan tersebut akan digunakan untuk antara lain membuat laporan-laporan yang kualitatif dan berguna.
- 15.8 Jika Tinjauan dilaksanakan di laman web pihak ketiga ("platform tinjauan"), Peserta bersetuju kepada terma-terma dan syarat-syarat platform tinjauan dan mengakui bahawa Penganjur tidak bertanggungjawab untuk sebarang risiko, masalah, kehilangan atau kerosakan dalam apa jua bentuk sebagai akibat dari kegunaan platform tinjauan di mana Tinjauan dilaksanakan. Penganjur tidak mengesahkan, menyokong atau meluluskan ketepatan atau kelengkapan sebarang maklumat, data atau kenyataan yang dibuat di platform tinjauan tersebut.

* * * * *